

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

1 Apakah bentuk sistem pemerintahan yang terdapat di Sarawak?

MS Tekst 5

- I Sistem Ketua Bebas
- II Sistem Kesultanan
- III Sistem Kesukuan
- IV Sistem Keadatuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Berikut ialah kegiatan perlombongan yang dijalankan oleh masyarakat tempatan pada peringkat awal.

MS Tekst 6

- Bijih timah
- Emas

Apakah kaedah yang telah digunakan bagi melombong hasil galian di atas?

- I Melampan
- II Mendulang
- III Kapal korek
- IV Lombong dedah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan sistem timbangan di negeri-negeri Melayu.

MS Tekst 7

12 saga = 1 mayam
16 mayam = 1 bungkal
12 bungkal = 1 kati

Sistem timbangan tersebut digunakan untuk menyukat

- I bunga cengkih
- II buah pala
- III perak
- IV emas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan pendidikan tidak formal di Sarawak.

MS Tekst 8

Pendidikan ini disampaikan melalui cerita lisan

Sekiranya anda ialah seorang kanak-kanak pada masa tersebut, apakah yang mungkin anda pelajari?

- A Pantang larang
- B Nasihat kehidupan
- C Koleksi peribahasa
- D Kepercayaan turun temurun

5 Berikut adalah tentang pendidikan formal masyarakat Melayu.

MS Tekst 9

- Mempunyai sukatan pelajaran
- Dilaksanakan dalam kelas

Apakah bentuk pembelajaran tersebut?

- A Istana
- B Pondok
- C Madrasah
- D Masjid dan surau

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

6 Senarai berikut berkaitan penubuhan syarikat-syarikat kuasa Barat.

MS Tekst 10

- Syarikat Hindia Timur Inggeris 1600
- Syarikat Hindia Timur Belanda 1602
- Syarikat Hindia Timur Perancis 1664

Apakah implikasi penubuhan syarikat-syarikat tersebut ke atas Tanah Melayu?

- A Masyarakat majmuk
- B Eksploitasi ekonomi
- C Perkembangan wilayah
- D Pemodenan pentadbiran

7 Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan kedatangan kuasa Barat ke negara kita.

MS Tekst 11

- Rempah-ratus
- Bijih timah
- Perak

Mengapakah barangan tersebut menjadi buruan kuasa Barat pada abad ke-16?

- A Persaingan kuasa Barat
- B Pemintaan tinggi di Eropah
- C Keperluan Revolusi Industri
- D Pertukaran dengan negara China

8 Apakah kuasa Barat yang memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Kristian di negara-negara seberang laut Eropah?

MS Tekst 11

- I Denmark
- II Sepanyol
- III Portugal
- IV Amerika Syarikat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Berikut ialah suatu gambaran yang menunjukkan suasana di Eropah pada abad ke-17 dan ke-18.

MS Tekst 12




Apakah cabaran yang dihadapi oleh kuasa Barat ekoran daripada Revolusi Perindustrian tersebut?

- A Kewangan
- B Pasaran
- C Buruh
- D Tanah

10 Peta berikut menunjukkan kedudukan Terusan Suez.

MS Tekst 14



Apakah kesan pembukaan terusan tersebut kepada aktiviti perdagangan orang Eropah di Alam Melayu?

- A Memudahkan laluan kapal layar
- B Mempercepat urusan perdagangan
- C Memuatkan barangan kargo lebih banyak
- D Meningkatkan perdagangan masyarakat setempat

11 Ilustrasi berikut berkaitan dengan Perang Amerika-Sepanyol di Filipina.

MS Tekst 15



Mengapakah berlakunya peperangan tersebut?

- A Persaingan kuasa Barat
- B Percanggahan mazhab
- C Konflik pemimpin
- D Perang dingin

12 Senarai berikut merujuk kepada slogan yang digunakan oleh kuasa Barat untuk menyebarkan pengaruh dan tamadun mereka.

MS Tekst 15

- Beban Orang Putih
- Tugas Menyebarkan Tamadun

Apakah iktibar yang diperoleh generasi kini daripada slogan tersebut?

- A Berani menghadapi cabaran
- B Bijak menyelesaikan masalah
- C Berwaspada terhadap propaganda
- D Bersedia mempertahankan bangsa

13 Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

13 Nama berikut merupakan nama sebuah tempat di Alam Melayu.

Ujung Salang

Kuasa Barat yang manakah ingin membuka petempatan di tempat tersebut?

- A Rusia
- B Britain
- C Sepanyol
- D Amerika Syarikat

14 Mengapakah Perancis ingin meluaskan kuasanya ke Segenting Kra?

- A Pangkalan tentera
- B Pembinaan terusan
- C Kekayaan bahan mentah
- D Keperluan perindustrian

14 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

15 Pada tahun 1873, Parti Liberal telah digantikan dengan Parti Konservatif di Britain.

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Berkerajaan sendiri
- B Perang saudara tamat
- C Campur tangan British
- D Peningkatan taraf hidup

16 Mengapakah pedagang-pedagang Negeri-negeri Selat mendesak kerajaan British untuk campur tangan di negeri Melayu?

- A Keselamatan penduduk
- B Kepentingan perdagangan
- C Mendapatkan perlindungan
- D Takut diserang oleh kuasa lain

17 Siapakah tokoh yang dihantar oleh kerajaan British bagi menggantikan Gabenor Harry Ord?

- A James Brooke
- B Andrew Clarke
- C Sir MacMicheal
- D Sir Edward Gent

18 Apakah strategi yang digunakan oleh kuasa Belanda dalam melakukan peluasan kuasa?

- I Pajakan
- II Manipulasi
- III Perjanjian
- IV Serangan fizikal
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Pernyataan berikut berkaitan dengan suatu strategi yang digunakan oleh kuasa Barat.

Tindakan mengambil kesempatan atas sesuatu perkara sehingga dapat mencapai tujuan yang dikehendaki

Apakah strategi yang dimaksudkan tersebut?

- A Ugutan
- B Pakatan
- C Manipulasi
- D Serangan fizikal

20 Maklumat berikut adalah tentang perjanjian yang ditandatangani oleh pihak Belanda dengan pemerintah tempatan.

Tahun 1650	Belanda dan Perak
Tahun 1786	Belanda dan Selangor

Apakah persamaan kedua-dua perjanjian tersebut?

- A Penguasaan wilayah
- B Penetapan sempadan
- C Keperluan hasil galian
- D Penempatan penasihat

21 SBUB telah meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah.

Apakah strategi yang telah digunakan?

- A Manipulasi
- B Tipu helah
- C Perjanjian
- D Pajakan